

**Gaza: KUPEKMAS Mahu Malaysia Cadang Sidang Tergempar Negara Islam
Bernama
18 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Kelab Pesara Kerajaan 1Malaysia (KUPEKMAS) meminta kerajaan mencadangkan supaya negara-negara Islam mengadakan mesyuarat tergempar bagi membincangkan isu kekejaman Israel di Semenanjung Gaza.

Setiausaha Agungnya, Datuk Abd Rahman Manan berkata Kupekmas mengutuk sekeras-kerasnya serangan ganas berterusan tentera rejim Israel ke atas Semenanjung Gaza yang telah mengorbankan ramai rakyat Palestin.

"Serangan ganas pihak Israel ke atas Semenanjung Gaza merupakan tindakan tidak bertamadun dan tidak berperikemanusiaan di zaman ini," katanya dalam kenyataan Ahad.

Menurutnya, Kupekmas menyokong penuh usaha rundingan Malaysia dan Mesir dalam mencari penyelesaian segera terhadap konflik itu.

Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Mesir Mohamed Morsi yang berbincang melalui telefon melahirkan hasrat untuk bekerjasama menamatkan keganasan Israel di Gaza.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709712>